

Soalan No: 74

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]**

**TARIKH : 1.8.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mewujudkan satu mekanisma bagi satu badan yang mengubal modul penilaian penguasaan Bahasa Melayu bagi golongan yang tidak mempunyai Sijil SPM atau rakyat Malaysia yang ingin kembali berkhidmat di Malaysia tetapi tidak menduduki SPM kerana menerima pendidikan luar pada peringkat menengah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini, Kerajaan belum mempunyai rancangan untuk mewujudkan badan atau institusi yang mengubal modul penguasaan Bahasa Melayu bagi golongan yang tidak mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kerana peraturan-peraturan peperiksaan untuk menduduki SPM pada masa kini dapat membantu golongan ini untuk menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu SPM atau memiliki sijil SPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, golongan yang tidak memiliki sijil SPM boleh menduduki peperiksaan SPM sebagai calon persendirian dengan mendaftar sekurang-kurangnya enam (6) mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Mathematics, Science dan Pendidikan Islam (wajib untuk calon yang menganut agama Islam) atau Pendidikan Moral (wajib untuk calon bukan agama Islam). Calon juga boleh mendaftar mata pelajaran lain tetapi pendaftaran mata pelajaran untuk menduduki SPM adalah tidak melebihi 12 mata pelajaran. Sekiranya, calon tidak lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan tersebut, calon boleh menduduki semula peperiksaan Bahasa Melayu dalam SPM (Ulangan) SPM (U). Tempoh pendaftaran peperiksaan bagi SPM dan SPM (U) adalah pada 1 Mac hingga 31 Mac setiap tahun.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 1 OGOS 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 75**

**Dato' Sri Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang perancangan kerajaan dalam mengawal jumlah kemalangan jalan raya yang kian meningkat dari semasa ke semasa dan apakah statistik kemalangan maut bagi Tahun 2016.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah merangka Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 – 2020 dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kerja Raya dan agensi-agensi Kerajaan yang lain serta pihak swasta dan badan bukan Kerajaan yang berkaitan. Pelan ini akan dilaksanakan berdasarkan lima (5) Tonggak Strategik yang merangkumi program-program dan langkah-langkah intervensi yang dirancang untuk menangani isu-isu keselamatan jalan raya. Antara lima (5) Tonggak Strategik tersebut adalah seperti yang berikut:

- Tonggak Strategik 1 - Pengurusan Keselamatan Jalan Raya;
- Tonggak Strategik 2 - Mobiliti dan Jalan Raya Yang Lebih Selamat;
- Tonggak Strategik 3 - Kenderaan Yang Lebih Selamat;
- Tonggak Strategik 4 - Pengguna Jalan Raya Yang Lebih Selamat;
- Tonggak Strategik 5 - Pengurusan Pasca Kemalangan.

Selaras dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 - 2020, elemen penguatkuasaan dan pendidikan telah ditambahbaik dari semasa ke semasa dengan mengambil kira maklum balas daripada *stakeholders* berkaitan dan pendekatan yang diguna pakai di negara-negara luar dalam menangani isu kemalangan jalan raya.

Di bawah elemen penguatkuasaan, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan *Automated Awareness Safety System (AwAS)* sedia ada

bagi memastikan penguatkuasaan lalu lintas dapat dijalankan secara berterusan (24 jam sehari) dan meningkatkan *Perception of Being Caught* (POBC) ke tahap yang lebih tinggi dan sekaligus mengubah tingkah laku pemandu. Selain itu, bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan memastikan pengguna jalan raya tidak mengulangi kesalahan lalu lintas, Sistem Mata Demerit telah dilaksanakan semula sebagai satu mekanisma untuk mengubah tingkah laku pemandu agar lebih berhemah semasa berada di jalan raya .

Dari aspek pendidikan pula, program advokasi melibatkan *community-based* dan pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) kepada pelajar sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Selain itu, Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) telah digubal semula berasaskan *learning outcome based* di mana penekanan akan diberikan terhadap aspek kognitif (*cognitive*), kemahiran (*psychomotor*) dan sikap (*affective*).

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, PDRM Bukit Aman, jumlah kemalangan jalan raya pada tahun 2016 adalah sebanyak 521,466 dan melibatkan kematian sebanyak 7,152 orang.